

18/06/2001

Agenda bertindak, hala tuju Pergerakan Pemuda Umno

Khairul Anwar Rahmat

PERHIMPUNAN Pergerakan Pemuda Umno, Rabu ini - sehari sebelum Perhimpunan Agung Umno - pasti menarik dan bersemangat kerana perwakilan dijangka membahaskan secara khusus hala tuju dan gerak kerja Pemuda, terutama dalam menghadapi pilihan raya umum 2004.

Tumpuan dan perhatian perwakilan, terutama lebih 70 peratus muka baru, tentunya kepada ucap-tama Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein, yang dijangka menyentuh fokus dan hala tuju Pemuda, terutama dalam usaha menyahut amanat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Dalam amanatnya kepada Pergerakan Pemuda baru-baru ini, Dr Mahathir menggariskan tiga tugas utama Pemuda, iaitu menambah keahlian, mendaftarkan ahli sebagai pengundi dan membuka bilik gerakan.

Bunyiya agak mudah dan biasa didengar. Namun, tanpa kesungguhan dan komitmen yang tulus daripada Pemuda, harapan besar Presiden parti mungkin akan berlalu ditiup angin.

Justeru, Perhimpunan Pemuda kali ini dijangka membincangkan secara khusus amanat Presiden dan gerak kerja untuk merealisasikan.

Berhubung perkara ini, Penolong Setiausaha Agung Pemuda, Zulkifli Alwi, berkata perhimpunan kali ini akan memberi peluang kepada ahli untuk memperkemas dan memperhalusi hala tuju Pemuda.

"Pemuda Umno akan membawa `kelainan' dalam perhimpunan tahun ini, bermula dengan kesedaran bahawa sekarang bukan masa untuk bercakap. Kita akan lebih menumpukan agenda untuk bertindak dan bekerja.

"Pemuda merasakan sudah banyak pihak, daripada Presiden Umno sehingga ahli biasa, sama ada di dewan besar mahu pun di kedai kopi, yang bercakap mengenai masalah dalam parti," katanya.

Justeru, katanya, Pemuda akan membawa kelainan yang mana selain usul ucapan dasar Ketua Pemuda, perhimpunan kali ini akan membawa usul bertemakan agenda bertindak dan hala tuju Pemuda yang merangkumi tajuk utama mengenai politik, agama, pendidikan dan ekonomi.

Jelas, harapan ini bersandarkan hakikat bahawa Pemuda Umno berusaha memusatkan pemikiran ahli Umno seluruh negara supaya sentiasa bergerak dalam `mood' pilihan raya.

Dengan kata lain, perhimpunan kali ini akan berorientasikan masa depan Umno dalam kepemimpinan negara sambil bermuhasabah, mengakui dan mengambil iktibar daripada pengalaman selama dua tahun ini khususnya.

Sudah agak lumrah bagi Pergerakan Pemuda, terutama ketua dan ahli Exconya, dikritik sebagai tidak bertaring, lesu dan lembap. Tidak cukup dengan itu, segala masalah parti dan kerajaan turut dibebankan kepada Pemuda Umno.

Sebab itu, ada antara pemimpin Pemuda yang mengeluh mereka seolah-olah menjadi `punching bag' oleh banyak pihak, baik pembangkang mahupun pemimpin Umno sendiri.

Lebih daripada itu, ada kecenderungan pemimpin tertentu dalam Umno yang asyik menuding jari kepada Pemuda Umno dalam setiap permasalahan yang timbul.

Soalnya, mengapa Pemuda harus dipersalahkan dalam setiap isu? Mengapa mereka dituduh tidak berfungsi jika Umno gagal menarik sokongan orang Melayu? Mengapa mereka juga yang dituding apabila Barisan Nasional (BN) gagal memenangi pilihan raya?

Bagaimanapun, jika kritikan dibuat dengan ikhlas dan jujur, Pemuda

seharusnya menerima dengan hati terbuka. Inilah asam garam perjuangan, apatah lagi perjuangan untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Sebab itu, kemanisan perjuangan hanya dapat dirasai apabila berjaya merentasi halangan dan cabaran.

Sejarah perjuangan Islam membuktikan golongan muda ialah As-Sabiqul Awwalun, iaitu menjadi benteng utama dan barisan depan perjuangan umat.

Kegigihan dan keberanian Saidina Ali dalam memperjuangkan agenda umat Islam harus dicontohi. Untuk itu, Pemuda harus menjadikan segala tohmahan dan fitnah yang dilemparkan kepada mereka sebagai cabaran untuk terus berkhidmat.

Masyarakat sudah celik dan tahu menilai sumbangan mereka. Tidak mungkin rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, dapat melupakan bagaimana Pemuda Umno berjaya mengadakan rundingan dengan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Pertubuhan-Pertubuhan Cina (Suqiu) sehingga menggugurkan tuntutan yang menggugat hak istimewa orang Melayu.

Dalam ledakan kemarahan dan emosi orang Melayu ketika itu, Pemuda Umno diheret dan dituduh lembik dan tidak bermaya kerana kononnya tidak berani berhadapan dengan tuntutan melampau itu.

Bagaimanapun, tanpa disangka mana-mana pihak, kebijaksanaan Pemuda terserlah di meja rundingan yang akhirnya meleraikan kemelut yang melanda negara buat beberapa ketika.

Hishammuddin dan ahli Exconya memberi isyarat bukan semua isu harus ditangani dengan bertempik dan berteriak penuh emosi seperti yang dilakukan sebelum ini.

Justeru, perhimpunan sayap kanan Umno kali ini dijangka medan untuk mereka menetapkan `mind-setting' supaya gerak kerja Pemuda seluruh negara lebih tertumpu dan bersepadu.

Perancangan yang rapi dan teliti sangat penting, lebih-lebih lagi kepada sebuah pergerakan yang mengaku memperjuangkan agenda generasi muda.

Seperti yang diluahkan Ahli Exco Pergerakan Pemuda, Ikmal Hisham Abd Aziz, peluang berkumpul dengan teman seperjuangan kali ini akan digunakan sepenuhnya untuk menggembleng semangat dan iltizam pemimpin Pemuda pada setiap peringkat.

Ikmal yang juga Ketua Pemuda Umno Tanah Merah berkata, berdasarkan ucap-tama Ketua Pemuda dan usul yang bakal diutarakan, perwakilan diharap mampu berhujah dengan bijaksana dan berkesan.

"Setelah bermuhasabah, merencana dan menetapkan agenda perjuangan Pemuda, adalah menjadi tanggungjawab perwakilan untuk menyampaikan mesej perhimpunan kepada setiap ahli yang tidak menghadiri perhimpunan kali ini.

"Kemampuan pemimpin Pemuda akan diukur daripada kemampuan mereka menterjemahkan aspirasi dan misi Pergerakan Pemuda pada peringkat akar umbi," katanya.

Dengan nada sama, Pengerusi Biro Briged Putera Pemuda, Azman Shah Omar Shah, mengingatkan perancangan dan wawasan tidak akan bermakna tanpa usaha dan semangat berterusan perwakilan.

Katanya, kesempatan menghadiri perhimpunan peringkat nasional seharusnya mendorong pemimpin muda pada setiap peringkat melaksanakan tanggungjawab dan tugas terbaik demi masa depan orang Melayu dan Umno.

"Mutu perkhidmatan Pemuda Umno kepada rakyat harus dipertingkatkan. Hubungan dengan masyarakat setempat juga mesti dimantapkan kerana Pemuda ialah cermin kepada pemimpin masa depan parti dan kerajaan.

"Jika rakyat yakin dan percaya kepada kewibawaan kita, Umno tidak akan mengalami masalah untuk terus memimpin bangsa Melayu dan Malaysia secara khusus," katanya.

Selain itu, perwakilan juga dijangka membahaskan secara terperinci usul `kepemudaan' yang semakin kerap diutarakan Exco Pemuda, termasuk Hishammuddin.

Tanpa berselindung, beberapa pemimpin utama Pemuda Umno sebelum ini melahirkan hasrat dan harapan supaya pucuk pimpinan parti dan kerajaan memberi lebih ruang dan peluang kepada pemimpin muda.

Banyak reaksi atau pandangan yang mereka terima daripada ahli merumuskan pucuk pimpinan seharusnya memberi ruang lebih luas kepada tokoh muda yang sudah membuktikan ketrampilan dan komitmen masing-masing.

Ada tanggapan di kalangan Pemuda bahawa secara keseluruhannya, pucuk pimpinan pelbagai peringkat masih kurang memberi ruang kepada generasi muda untuk memikul tanggungjawab lebih besar.

Jika senario ini tidak diberi perhatian, dikhuatiri ia akan ditafsir oleh golongan muda sebagai Umno kurang memberi ruang kepada tokoh muda yang menyebabkan mereka terdorong kepada pilihan lain.

Bagaimanapun, segalanya terletak kepada Pemuda sendiri yang perlu terus menampilkan diri sebagai sayap kanan parti dan jurubicara masyarakat untuk meyakinkan pucuk pimpinan parti.

Pergerakan Pemuda perlu membersihkan perjuangan mereka daripada sebarang tanggapan, terutama imej elit dan sikap segelintir pemimpin yang lebih gemar mengumpul harta.

Pemimpin utama Pemuda harus menjadikan agenda 'mesra rakyat' sebagai syarat wajib yang perlu oleh setiap ahli, terutama pemimpinnya.

Kita tidak mahu Pemuda terus tenggelam dalam keghairahan dan khayalan bahawa mereka bakal mewarisi kepemimpinan negara sehingga memberi ruang kepada pihak tertentu mengkritik niat dan gerak laku mereka.

Dengan kata lain, Pemuda harus kembali kepada fitrah mereka sebelum ini, iaitu menjadi mata, telinga dan suara masyarakat.

Dengan pembabitan lebih 70 peratus muka baru, dewan perhimpunan kali ini pasti bertambah seri dan bertenaga dengan 'wajah-wajah jernih' anak muda yang sudah tidak sabar meneruskan agenda membela bangsa.

Keistimewaan Perhimpunan Pemuda Umno kali ini diserlahkan dengan kehadiran 11 Ketua Pemuda negeri yang dilantik minggu lalu. Sudah pasti, setiap daripada mereka ada matlamat dan misi tersendiri sebagai bekalan untuk dibawa ke Kuala Lumpur.

Dengan gandingan mantap yang diketuai barisan Exco dan pemimpin muda yang berkeyakinan, perhimpunan kali ini dipercayai mampu meletakkan semula Pemuda Umno pada landasan sebenar perjuangan.

(END)